




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI


PROSPEKTUS

PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SISTEM EMPAT SEMESTER

EDISI KETUJUH





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

**PROSPEKTUS
PROGRAM MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
SISTEM EMPAT SEMESTER
EDISI KETUJUH**

Cetakan Pertama, 2022

Cetakan Kedua, 2022

Cetakan Ketiga, 2023

Cetakan Kelima, 2024

Cetakan Keenam, 2025

Cetakan Ketujuh, 2026

© 2026 Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan

Hak cipta terpelihara. Sebarang artikel, ilustrasi, isi kandungan dari mana-mana bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya,
Malaysia.
Tel: 603-8884 4083
Faks: 603-8884 4028
Laman sesawang: www.moe.gov.my

Prospektus Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan
Sistem Empat Semester
Edisi Ketujuh

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata Aluan Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM	4
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	5
Visi	5
Misi	5
Objektif	5
1. Latar Belakang Program Matrikulasi KPM	6
2. Konsep Kurikulum Program Matrikulasi KPM	7
3. Tempoh Pengajian dan Jam Kredit Pembelajaran	8
4. Mod Pembelajaran	9
5. Bahasa Pengantar	9
6. Objektif dan Hasil Pembelajaran Program Mengikut Jurusan	9
6.1 Objektif Pembelajaran Program (Programme Educational Objectives, PEO) Jurusan Sains	10
6.2 Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes, PLO) Jurusan Sains	11
7. Senarai Kursus Jurusan Sains	13
8. Pencapaian Akademik Pelajar	19
8.1 Kaedah Pentaksiran	19
8.2 Sistem Gred	20
8.3 Sistem Purata Nilai Gred	23
8.4 Status Pencapaian Akademik Pelajar	26
9. Semak Semula Keputusan Peperiksaan	27
10. Penangguhan Pengajian dan Menarik Diri Daripada Program	27
11. Kelayakan Sijil Matrikulasi KPM	27
12. Peraturan Pelajar	28
Lampiran A – Format Penilaian Mengikut Jurusan	29
Lampiran B – Senarai Alamat Kolej Matrikulasi dan Kolej MARA	33
Penghargaan	36



Kata Aluan

PENGARAH BAHAGIAN MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan (KPM) merupakan persediaan untuk pelajar lepas menengah meneruskan pengajian ke institusi pengajian tinggi dalam bidang sains, teknologi dan perakaunan. Pada masa kini, lima jurusan pengajian ditawarkan, iaitu Jurusan Sains, Jurusan Sains Komputer, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Perakaunan Profesional.

Program Matrikulasi KPM menyediakan pendidikan prauniversiti yang berkualiti untuk melahirkan modal insan cemerlang. Pensyarah akademik Program Matrikulasi KPM yang profesional dan penuh pengalaman sentiasa komited mempersiapkan pelajar mencapai objektif pengajian melalui kurikulum terkini dengan memberi penekanan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Semua kolej matrikulasi juga dilengkapi dengan kemudahan yang menyokong suasana pembelajaran kondusif.

Program Matrikulasi KPM turut mendapat pengiktirafan daripada 59 buah universiti luar negara dengan sebahagian daripadanya tersenarai dalam Top 100 QS World University Rankings. Selain itu juga, Jabatan Perkhidmatan Awam turut memberi pengiktirafan kepada lulusan Program Matrikulasi KPM bagi laluan kerjaya ke perkhidmatan awam.

Pelbagai kejayaan telah dikecapi hasil komitmen berterusan semua pihak, terutamanya barisan kepimpinan KPM, pengurusan kolej, pensyarah dan pelajar yang sentiasa berusaha gigih dalam mencapai kecemerlangan. Semoga Program Matrikulasi KPM terus berkembang maju dan melahirkan lebih ramai modal insan berkualiti demi masa depan negara.

Selamat datang diucapkan kepada semua pelajar baharu Program Matrikulasi KPM. Manfaatkan peluang ini sebaiknya untuk menjadi pelajar cemerlang dan warganegara yang menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

Sekian.

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

VISI

Penjana unggul pelajar bumiputera berkualiti ke institusi pengajian tinggi dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

MISI

Membangunkan potensi pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional melalui pendidikan prauniversiti yang berkualiti untuk melahirkan modal insan yang cemerlang.

OBJEKTIF

1. Membangunkan modal insan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
2. Mengeluarkan lulusan Program Matrikulasi KPM bagi memenuhi keperluan institusi pengajian tinggi awam dalam bidang sains, teknologi dan profesional.
3. Menjana lepasan Program Matrikulasi KPM yang berpengetahuan, kreatif dan berdaya saing.

1. LATAR BELAKANG PROGRAM MATRIKULASI KPM

Program Matrikulasi KPM diwujudkan atas kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 sebagai satu program persediaan bagi pelajar bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

Sehingga kini, Program Matrikulasi KPM dilaksanakan di 15 buah kolej matrikulasi dan dua buah kolej MARA seluruh Malaysia. Terdapat dua sistem pengajian yang ditawarkan, iaitu Sistem Dua Semester (SDS) yang dilaksanakan dalam tempoh satu tahun dan Sistem Empat Semester (SES) dalam tempoh dua tahun.

Selaras dengan visi Program Matrikulasi KPM, iaitu Penjana Unggul Pelajar Bumiputera Berkualiti ke Institusi Pengajian Tinggi Dalam Bidang Sains, Teknologi dan Profesional, program ini menawarkan lima jurusan, iaitu Jurusan Sains, Jurusan Sains Komputer, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Perakaunan Profesional. Hanya Jurusan Sains ditawarkan bagi pengajian SES. Senarai kolej dan jurusan yang ditawarkan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Jurusan yang Ditawarkan Mengikut Kolej

Bil.	Kolej	Jurusan yang ditawarkan
1.	Kolej Matrikulasi (KM) Negeri Sembilan	• Sains • Sains Komputer • Perakaunan
2.	KM Labuan	
3.	KM Johor	
4.	KM Perak	
5.	KM Kedah	
6.	KM Kelantan	
7.	KM Melaka	• Sains • Perakaunan
8.	KM Pulau Pinang	
9.	KM Pahang	
10.	KM Selangor	• Sains • Perakaunan • Perakaunan Profesional
11.	KM Kejuruteraan Kedah	• Kejuruteraan
12.	KM Kejuruteraan Pahang	
13.	KM Kejuruteraan Johor	
14.	KM Perlis	• Sains (SDS sahaja) • Perakaunan
15.	KM Sarawak	• Sains (SDS sahaja)
16.	Kolej MARA Kulim	
17.	Kolej MARA Kuala Nerang	• Perakaunan

Jurusan Sains terdiri daripada Aliran Sains Hayat, Sains Fizikal dan Sains Teknologi, manakala Jurusan Kejuruteraan terdiri daripada Aliran Asas Kejuruteraan, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Program Matrikulasi KPM turut menawarkan Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) khusus kepada pelajar lepasan Akademi Sains Pendang bertujuan untuk membangunkan potensi pelajar berintelektual tinggi. Pelajar PPPC ditempatkan di KM Pulau Pinang yang menyediakan persekitaran akademik kondusif bagi memenuhi keperluan pendidikan prauniversiti mereka. Hanya Jurusan Sains (Aliran Sains Hayat dan Sains Fizikal) ditawarkan kepada pelajar PPPC.


Kursus Hifz Al-Quran pula merupakan kursus wajib yang ditawarkan kepada pelajar Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan (SDS sahaja) yang mempunyai Sijil Tahfiz KPM/ Sijil Tahfiz Al-Quran MARA/ Penyataan Keputusan Prestasi Hafazan KPM/ mana-mana sijil hafazan yang berdaftar dengan JAKIM atau Majlis Agama Islam/ Yayasan Agama Islam/ Jabatan Agama Islam Negeri. Kursus ini ditawarkan di KM Negeri Sembilan, KM Kelantan, KM Kedah dan KM Johor sahaja pada setiap semester bagi memperkukuh hafazan Al-Quran. Pelajar yang mengambil kursus Hifz Al-Quran dikecualikan daripada mengambil kursus Kokurikulum.

2. KONSEP KURIKULUM PROGRAM MATRIKULASI KPM

Program Matrikulasi KPM melaksanakan kurikulum berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education, OBE) mulai tahun 2018. Kurikulum ini memberi penekanan kepada proses pembelajaran yang berfokus kepada pencapaian hasil pembelajaran. Inisiatif ini merupakan satu pendekatan untuk melihat pencapaian pelajar dalam mengaplikasikan pengetahuan pembelajaran.

Reka bentuk kurikulum Program Matrikulasi KPM berteraskan OBE mengambil kira pengetahuan pelajar semasa di sekolah menengah dan keperluan pengajian pada peringkat ijazah pertama. Kurikulum program ini memberi penekanan kepada aspek akademik dan pembangunan sahsiah seiring Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kurikulum berteraskan OBE adalah proses pembelajaran yang berfokuskan kepada hasil pembelajaran, iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk dicapai oleh setiap pelajar. Hasil pembelajaran adalah ketetapan yang perlu dicapai daripada aspek pengetahuan, kefahaman dan kebolehan untuk membuat sesuatu ataupun kualiti yang perlu dibangunkan sepanjang pengajian. Bagi mencapai maksud itu, pelajar lulusan Program Matrikulasi KPM dipastikan agar dapat menguasai 10 domain hasil pembelajaran seperti Rajah 1.



Rajah 1: Domain hasil pembelajaran Program Matrikulasi KPM

3. TEMPOH PENGAJIAN DAN JUMLAH KREDIT PEMBELAJARAN

Struktur pengajian Program Matrikulasi KPM menggunakan sistem semester dan tempoh pengajian adalah selama empat semester. Jumlah kredit bagi empat semester adalah 90 merangkumi kursus teras dan kursus wajib.

4. MOD PEMBELAJARAN

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Program Matrikulasi KPM adalah secara kuliah, tutoran dan amali.

5. BAHASA PENGANTAR

Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kursus Pengajian Am Matrikulasi, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Kokurikulum.

Bahasa Inggeris pula digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kursus Chemistry, Physics, Biology, Mathematics, Computer Science dan English.

6. OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM MENGIKUT JURUSAN

Program Matrikulasi KPM menetapkan Objektif Pembelajaran Program (Programme Educational Objectives, PEO) yang perlu dicapai oleh lulusan Program Matrikulasi KPM selepas mereka tamat pengajian di kolej matrikulasi. Manakala Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes, PLO) adalah pernyataan bagi menerangkan pencapaian keberhasilan terhadap pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan tingkah laku pelajar yang boleh diukur pada akhir pengajian.

6.1 **Objektif Pembelajaran Program (Programme Educational Objectives, PEO) Jurusan Sains**

Selepas setahun bergraduasi daripada program, graduan adalah:
Upon a year of graduation from the programme, graduates are:

PEO 1 Berpengetahuan dan kompeten secara teknikal dalam bidang sains selari dengan keperluan institusi pengajian tinggi.

Knowledgeable and technically competent in science disciplines in-line with higher educational institution requirement.

PEO 2 Berkebolehan untuk mengaplikasikan maklumat dan menggunakan data untuk menyelesaikan masalah dalam bidang sains.

Able to apply information and use data to solve problems in science disciplines.

PEO 3 Berkebolehan untuk berkomunikasi dengan mahir dan berkolaborasi secara berkesan dalam kerja berkumpulan untuk bersaing dalam persekitaran pendidikan tinggi.

Able to communicate competently and collaborate effectively in group work to compete in higher education environment.

PEO 4 Berkebolehan untuk menggunakan asas teknologi maklumat dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pemerolehan ilmu dan kemahiran baharu.

Able to use basic information technologies and engaged in life-long learning to continue the acquisition of new knowledge and skills.

PEO 5 Berkebolehan untuk mempamerkan kemahiran kepimpinan dan mengamalkan nilai dan etika yang baik dalam mengurus organisasi.

Able to demonstrate leadership skills and practice good values and ethics in managing organisations.

6.2 Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes, PLO) Jurusan Sains

Pada akhir program, pelajar dapat:

At the end of the programme, students should be able to:

- PLO 1 Memperoleh pengetahuan dalam bidang sains dan matematik sebagai asas kepada pendidikan peringkat tinggi.
Acquire knowledge of science and mathematics as a fundamental in higher level education.
- PLO 2 Mengaplikasi pemikiran logik, analitikal dan kritis dalam kajian saintifik dan penyelesaian masalah.
Apply logical, analytical and critical thinking in scientific studies and problem solving.
- PLO 3 Menunjukkan kemahiran manipulatif dalam kerja makmal.
Demonstrate manipulative skills in laboratory works.
- PLO 4 Berkolaborasi dalam kerja berkumpulan dengan kemahiran yang diperlukan untuk pendidikan tinggi.
Collaborate in group work with skills required for higher education.
- PLO 5 Menyampaikan idea, maklumat, masalah dan penyelesaian dalam komunikasi secara lisan dan penulisan.
Deliver ideas, information, problems and solution in verbal and written communication.
- PLO 6 Menggunakan asas teknologi digital untuk mencari dan menganalisis data bagi pengurusan maklumat.
Use basic digital technology to seek and analyse data for management of information.

- PLO 7 Mentafsir data numerasi yang biasa digunakan dan ringkas untuk menyelesaikan masalah.
Interpret familiar and uncomplicated numerical data to solve problems.
- PLO 8 Menunjukkan kepemimpinan, autonomi dan tanggungjawab dalam menguruskan organisasi.
Demonstrate leadership, autonomy and responsibility in managing organization.
- PLO 9 Memulakan peningkatan sendiri melalui pembelajaran bebas.
Initiate self-improvement through independent learning.
- PLO 10 Mengamalkan nilai, sikap, etika dan akauntabiliti dalam bidang STEM dan profesional.
Practice good values, attitude, ethics and accountability in STEM and professional field.

7. SENARAI KURSUS JURUSAN SAINS

Pelajar Program Matrikulasi KPM perlu mengambil pakej kursus teras dan kursus wajib. Kursus teras merujuk kepada mata pelajaran yang perlu diambil oleh pelajar dalam jurusan berkenaan. Manakala kursus wajib merujuk kepada mata pelajaran yang perlu diambil oleh semua pelajar tanpa mengambil kira jurusan.

Jurusan Sains terdiri daripada tiga aliran iaitu aliran Sains Hayat, Sains Fizikal dan Sains Teknologi. Setiap pelajar Jurusan Sains diwajibkan mengambil kursus mengikut aliran seperti yang berikut:

7.1 Aliran Sains Hayat

Jadual 2: Senarai Kursus Semester I dan II Jurusan Sains (Aliran Sains Hayat)

Pakej Kursus	Nama Kursus	Semester I			Semester II		
		Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit	Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit
Teras	Mathematics 1	DM015	5	5	-	-	-
	Chemistry 1	DK014	5	4	-	-	-
	Physics 1	DP014	5	4	-	-	-
	Biology 1	DB014	5	4	-	-	-
	Mathematics 2	-	-	-	DM025	5	5
	Chemistry 2	-	-	-	DK024	5	4
	Physics 2	-	-	-	DP024	5	4
	Biology 2	-	-	-	DB024	5	4
Wajib	English 1	DE013	3	3	-	-	-
	English 2	-	-	-	DE023	3	3
Jumlah Kredit				20	20		

Jadual 3: Senarai Kursus Semester III dan IV Jurusan Sains (Aliran Sains Hayat)

Pakej Kursus	Nama Kursus	Semester III			Semester IV		
		Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit	Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit
Teras	Mathematics 1	SM015	5	5	-	-	-
	Chemistry 1	SK015	6	5	-	-	-
	Physics 1	SP015	6	5	-	-	-
	Biology 1	SB015	6	5	-	-	-
	Mathematics 2	-	-	-	SM025	5	5
	Chemistry 2	-	-	-	SK025	6	5
	Physics 2	-	-	-	SP025	6	5
	Biology 2	-	-	-	SB025	6	5
Wajib	English 1	WE013	3	3	-	-	-
	English 2	-	-	-	WE023	3	3
	*Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	WI001 WM001	1	1	WI001 WM001	-	-
	*Pengajian Am Matrikulasi	WP001	1	1	WP001	-	-
	*Kokurikulum	WK002	-	-	WK002	2	2
Jumlah Kredit				25	25		

*Diambil sekali sahaja pada mana-mana semester

7.2 Aliran Sains Fizikal

Jadual 4: Senarai Kursus Semester I dan II Jurusan Sains (Aliran Sains Fizikal)

Pakej Kursus	Nama Kursus	Semester I			Semester II		
		Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit	Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit
Teras	Mathematics 1	DM015	5	5	-	-	-
	Chemistry 1	DK014	5	4	-	-	-
	Physics 1	DP014	5	4	-	-	-
	Computer Science 1	DC014	5	4	-	-	-
	Mathematics 2	-	-	-	DM025	5	5
	Chemistry 2	-	-	-	DK024	5	4
	Physics 2	-	-	-	DP024	5	4
	Computer Science 2				DC024	5	4
Wajib	English 1	DE013	3	3	-	-	-
	English 2	-	-	-	DE023	3	3
Jumlah Kredit				20			20

Jadual 5: Senarai Kursus Semester III dan IV Jurusan Sains (Aliran Sains Fizikal)

Pakej Kursus	Nama Kursus	Semester III			Semester IV		
		Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit	Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit
Teras	Mathematics 1	SM015	5	5	-	-	-
	Chemistry 1	SK015	6	5	-	-	-
	Physics 1	SP015	6	5	-	-	-
	Computer Science 1	SC015	6	5	-	-	-
	Mathematics 2	-	-	-	SM025	5	5
	Chemistry 2	-	-	-	SK025	6	5
	Physics 2	-	-	-	SP025	6	5
	Computer Science 2	-	-	-	SC025	6	5
Wajib	English 1	WE013	3	3	-	-	-
	English 2	-	-	-	WE023	3	3
	*Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	WI001 WM001	1	1	WI001 WM001	-	-
	*Pengajian Am Matrikulasi	WP001	1	1	WP001	-	-
	*Kokurikulum	WK002	-	-	WK002	2	2
Jumlah Kredit				25			25

*Diambil sekali sahaja pada mana-mana semester

7.3 Aliran Sains Teknologi

Jadual 6: Senarai Kursus Semester I dan II Jurusan Sains (Aliran Sains Teknologi)

Pakej Kursus	Nama Kursus	Semester I			Semester II		
		Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit	Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit
Teras	Mathematics 1	DM015	5	5	-	-	-
	Chemistry 1	DK014	5	4	-	-	-
	Biology 1	DB014	5	4	-	-	-
	Computer Science 1	DC014	5	4	-	-	-
	Mathematics 2	-	-	-	DM025	5	5
	Chemistry 2	-	-	-	DK024	5	4
	Biology 2	-	-	-	DB024	5	4
	Computer Science 2				DC024	5	4
Wajib	English 1	DE013	3	3	-	-	-
	English 2	-	-	-	DE023	3	3
Jumlah Kredit				20	20		

Jadual 7: Senarai Kursus Semester III dan IV Jurusan Sains (Aliran Sains Teknologi)

Pakej Kursus	Nama Kursus	Semester III			Semester IV		
		Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit	Kod Kursus	Bil. Jam Interaksi Seminggu	Kredit
Teras	Mathematics 1	SM015	5	5	-	-	-
	Chemistry 1	SK015	6	5	-	-	-
	Biology 1	SB015	6	5	-	-	-
	Computer Science 1	SC015	6	5	-	-	-
	Mathematics 2	-	-	-	SM025	5	5
	Chemistry 2	-	-	-	SK025	6	5
	Biology 2	-	-	-	SB025	6	5
	Computer Science 2	-	-	-	SC025	6	5
Wajib	English 1	WE013	3	3	-	-	-
	English 2	-	-	-	WE023	3	3
	*Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	WI001 WM001	1	1	WI001 WM001	-	-
	*Pengajian Am Matrikulasi	WP001	1	1	WP001	-	-
	*Kokurikulum	WK002	-	-	WK002	2	2
Jumlah Kredit				25	25		

*Diambil sekali sahaja pada mana-mana semester

8. PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Pencapaian akademik pelajar Program Matrikulasi KPM ditentukan berdasarkan kaedah pentaksiran dengan menggunakan sistem gred bagi semua kursus yang dipelajari. Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) merupakan indikator utama status pencapaian akademik pelajar.

8.1 Kaedah Pentaksiran

Program Matrikulasi KPM melaksanakan tiga kaedah pentaksiran, iaitu Penilaian Berterusan (PB), Ujian Penilaian Sumatif (UPS) dan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM). PB dan UPS adalah pentaksiran yang dikendalikan pada peringkat kolej manakala PSPM dikendalikan sepenuhnya secara berpusat oleh Bahagian Matrikulasi KPM.

8.1.1 Penilaian Berterusan (PB)

PB merujuk kepada proses pentaksiran yang dilakukan secara berperingkat sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus berkenaan. Objektif PB adalah untuk menilai kemajuan pelajar ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang disasarkan dan memastikan pelajar sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.

Komponen PB merangkumi tugas individu/ kumpulan seperti ujian praktikal, laporan amali, penulisan esei, pembentangan, forum atau aktiviti lain yang sesuai untuk menilai prestasi pelajar seperti **Lampiran A-i** hingga **Lampiran A-iii**.

Wajaran markah PB adalah 40 peratus bagi setiap kursus teras dan 100 peratus bagi setiap kursus wajib.

8.1.2 Ujian Penilaian Sumatif (UPS)

UPS merupakan pentaksiran yang dilaksanakan oleh pensyarah terhadap pelajar untuk menilai dan menentukan tahap pencapaian pembelajaran yang disasarkan. UPS dilaksanakan pada akhir setiap peringkat pembelajaran bagi kursus teras sahaja.

Wajaran markah UPS bagi setiap kursus teras adalah sebanyak 20 peratus bagi setiap semester seperti **Lampiran A-i** hingga **Lampiran A-ii**.

8.1.3 Peperiksaan Semester Program Matrikulasi KPM (PSPM)

PSPM merupakan peperiksaan yang dilaksanakan secara berpusat bagi semua kursus teras pada penghujung setiap semester.

Wajaran markah PSPM bagi setiap kursus teras adalah sebanyak 40 peratus bagi setiap semester seperti **Lampiran A-i** hingga **Lampiran A-ii**.

8.2 Sistem Gred

Penilaian bagi semua kursus teras Program Matrikulasi KPM mengguna pakai sistem gred seperti berikut:

8.2.1 Sistem Gred Kursus Teras

Pencapaian pelajar dalam pentaksiran bagi kursus teras akan diberikan gred dengan mata nilai tertentu berserta interpretasi seperti Jadual 8.

Jadual 8: Sistem Gred Kursus Teras

Gred	Mata Nilai	Interpretasi
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	
B	3.00	Kepujian
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	Gagal
D+	1.33	
D	1.00	
F	0.00	

8.2.2 Sistem Gred Kursus Wajib

Pencapaian pelajar dalam pentaksiran bagi kursus wajib selain kursus English 1 dan English 2 akan diberikan gred dan interpretasi seperti Jadual 9.

Jadual 9: Sistem Gred Kursus Wajib Selain English 1 dan English 2

Gred	Interpretasi
A	Cemerlang
B	Baik
C	Memuaskan
D	Lulus
F	Gagal

Pencapaian pelajar dalam pentaksiran bagi kursus English 1 dan English 2 akan diberikan gred dan interpretasi seperti Jadual 10.

Jadual 10: English Performance Indicators (EPI)

Grade	User	Interpretation
C1+	High Proficient User	- Understand with ease any kind of spoken language delivered at fast natural speed. - Produce clear, smoothly flowing, well-structured speech effortlessly and convey finer shades of meaning with accuracy. - Understand a wide range of complex texts including abstract, structurally complex, or highly colloquial literary and non-literary writings. - Write clear, smoothly flowing complex texts in an appropriate and effective style.
C1	Proficient User	- Understand enough to follow extended speech on abstract and complex topics even when it is not clearly structured. - Express oneself fluently and spontaneously on complex subjects. - Understand in detail lengthy, complex texts, provided one can reread difficult sections. - Write clear, well-structured texts of complex subjects.

Grade	User	Interpretation
B2	High Independent User	- Understand standard spoken language on both familiar and unfamiliar topics and follow complex lines of argument on reasonably familiar topics. - Use the language fluently, accurately and effectively on a wide range of general topics. - Read with a large degree of independence and use appropriate reference sources selectively. - Write clear, detailed texts on a variety of subjects related to one's field of interest.
	Mid-Independent User	
B1	Low Independent User	- Understand straightforward factual information about common everyday topics provided the speech is clearly articulated. - Communicate with some confidence on familiar routine and non-routine matters related to one's interests in everyday life. - Read straightforward factual texts on subjects related to one's field of interest with a satisfactory level of comprehension. - Write straightforward connected texts on a range of familiar subjects within one's field of interest.
A2	Basic User	- Understand phrases and expressions related to areas of most immediate priority, provided speech is clearly and slowly articulated. - Manage simple, routine exchanges and interact in short conversations on familiar topics but is rarely able to understand enough to keep conversation going of one's own accord. - Understand short, simple texts on familiar matters of a concrete type which consist of high frequency everyday vocabulary. - Write a series of simple phrases and sentences linked with simple connectors.

Notes:

- A1 grade is not applicable for the post-secondary level.
- C1+ = C* to be used for UPU application

Kemas kini: 1 Disember 2023

8.3 Sistem Purata Nilai Gred

Sistem Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akademik pelajar.

Pada akhir setiap semester, PNGS dan PNGK pelajar dikira berasaskan gred yang diperoleh dan jam kredit yang diperuntukkan bagi semua kursus teras yang diambil.

Nilai PNGS dan PNGK dikira mengikut kaedah berikut:

$$\text{Mata} = \text{Mata Nilai} \times \text{Kredit Kursus}$$

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah Mata}}{\text{Jumlah Kredit bagi Semester Berkenaan}}$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Mata Keseluruhan}}{\text{Jumlah Kredit Keseluruhan}}$$

Contoh pengiraan PNGS dan PNGK bagi keputusan Semester I, Semester II, Semester III dan Semester IV adalah seperti yang berikut:

Jadual 11: Contoh Pengiraan PNGS Semester I

Kod Kursus	Gred	Mata Nilai	Kredit	Mata (mata nilai x kredit)
DM015	A	4.00	5	20.00
DK014	C+	2.33	4	9.32
DB014	B+	3.33	4	13.32
DP014	B	3.00	4	12.00
Jumlah			17	54.64

$$\text{PNGS I} = \frac{54.64}{17} = 3.21$$

Jadual 12: Contoh Pengiraan PNGS Semester II

Kod Kursus	Gred	Mata Nilai	Kredit	Mata (mata nilai × kredit)
DM025	A–	3.67	5	18.35
DK024	B	3.00	4	12.00
DB024	C	2.00	4	8.00
DP024	B+	3.33	4	13.32
Jumlah			17	51.67

$$\text{PNGS II} = \frac{51.67}{17} = 3.04$$

Jadual 13: Contoh Pengiraan PNGS dan PNGK Semester III

Kod Kursus	Gred	Mata Nilai	Kredit	Mata (mata nilai × kredit)
SM015	A	4.00	5	20.00
SK015	C+	2.33	5	11.65
SB015	B+	3.33	5	16.65
SP015	B	3.00	5	15.00
Jumlah			20	63.30

$$\text{PNGS III} = \frac{63.30}{20} = 3.17$$

$$\text{PNGK} = 3.17$$

Jadual 14: Contoh Pengiraan PNGS dan PNGK Semester IV

Kod Kursus	Gred	Mata Nilaian	Kredit	Mata (mata nilaian × kredit)
SM025	A–	3.67	5	18.35
SK025	B	3.00	5	15.00
SB025	C	2.00	5	10.00
SP025	B+	3.33	5	16.65
Jumlah			20	60.00

$$\text{PNGS IV} = \frac{60.00}{20} = 3.00$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Mata Keseluruhan (PNGS Sem III + PNGS Sem IV)}}{\text{Jumlah Kredit (Sem III dan IV)}}$$

$$\text{PNGK} = \frac{63.30 + 60.00}{20 + 20} = 3.08$$

8.4 Status Pencapaian Akademik Pelajar

Status pencapaian akademik pelajar Program Matrikulasi KPM bagi setiap semester ditentukan berdasarkan PNGS dan PNGK yang diperolehi. Status pencapaian akademik pelajar bagi meneruskan pengajian adalah seperti dalam Jadual 15.

Jadual 15: Status Pencapaian Akademik

Semester	Pencapaian	Status
Semester I	$\text{PNGS I} \geq 2.00$	Lulus dan meneruskan pengajian ke Semester II.
	$1.50 \leq \text{PNGS I} < 2.00$	Gagal kali pertama tetapi dibenarkan meneruskan pengajian ke Semester II.
	$\text{PNGS I} < 1.50$	Gagal dan diberhentikan.
Semester II	$\text{PNGS II} \geq 2.00$	Lulus dan meneruskan pengajian ke Semester III.
	$1.50 \leq \text{PNGS II} < 2.00$	1. Gagal kali pertama tetapi dibenarkan meneruskan pengajian ke Semester III; atau 2. Gagal kali kedua dan diberhentikan.
	$\text{PNGS II} < 1.50$	Gagal dan diberhentikan.
Semester III	$\text{PNGS III} \geq 2.00$	Lulus dan meneruskan pengajian ke Semester IV.
	$1.50 \leq \text{PNGS III} < 2.00$	Gagal tetapi dibenarkan meneruskan pengajian ke Semester IV.
	$\text{PNGS III} < 1.50$	Gagal dan diberhentikan.
Semester IV	$\text{PNGK} \geq 2.00$	Lulus dan tamat Program Matrikulasi
	$1.50 \leq \text{PNGK} < 2.00$	Gagal dan ditawarkan untuk mengulang pengajian Semester III.
	$\text{PNGK} < 1.50$	Gagal dan diberhentikan.

9. SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Calon diberi peluang untuk memohon semak semula keputusan peperiksaan setelah keputusan PSPM diumumkan. Permohonan adalah terhad kepada semester semasa sahaja.

Pemohon perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Semak Semula Keputusan PSPM.

Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selepas keputusan PSPM dikeluarkan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Bayaran sebanyak RM50.00 dikenakan bagi setiap skrip jawapan yang hendak disemak. Keputusan semak semula keputusan PSPM adalah muktamad dan sebarang rayuan adalah tidak dilayan.

10. PENANGGUHAN PENGAJIAN DAN MENARIK DIRI DARIPADA PROGRAM

- a) Permohonan penangguhan pengajian atas sebab kesihatan atau keadaan yang tidak mengizinkan untuk menghadirkan diri, perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pengarah kolej.
- b) Penarikan diri pelajar hanya dipertimbangkan atas permohonan yang munasabah secara bertulis kepada Pengarah kolej. Sekiranya pelajar sakit, maka laporan perubatan lengkap yang mengesahkan ketidakupayaan pelajar untuk meneruskan pengajian perlu disertakan.
- c) Penangguhan pengajian hanya dibenarkan sekali sepanjang tempoh pengajian.

11. KELAYAKAN SIJIL MATRIKULASI KPM

Pelajar layak menerima Sijil Matrikulasi KPM jika lulus sekurang-kurangnya tiga kursus teras pada setiap semester dan tamat pengajian Program Matrikulasi KPM dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan.

12. PERATURAN PELAJAR

Semua pelajar Program Matrikulasi KPM tertakluk kepada:

- a) Akta 174 – Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976;
- b) Buku Peraturan Pelajar Program Matrikulasi KPM;
- c) Peraturan KPM yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan
- d) Tatacara yang dikeluarkan oleh Bahagian Matrikulasi dan Kolej Matrikulasi yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN

Lampiran A-i

KOMPONEN PENTAKSIRAN KURSUS TERAS SEMESTER I DAN II

Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Komponen	Sains Hayat				Sains Fizikal				Sains Teknologi			
			Semester I		Semester II		Semester I		Semester II		Semester I		Semester II	
			Mathematics 1	Chemistry 1	Physics 1	Biology 1	Mathematics 2	Chemistry 2	Physics 2	Biology 2	Mathematics 1	Chemistry 1	Physics 1	Computer Science 1
Penilaian Berterusan (PB)	40	Tugasan Individu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
		Tugasan Kumpulan	✓				✓				✓			✓
		Ujian Praktikal		✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓	✓
		Laporan Amali		✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓	
Ujian Penilaian Sumatif (UPS)	20	Soalan Objektif	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM)	40	Soalan Struktur	✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓		✓
		Soalan Struktur dan Esei				✓				✓			✓	

KOMPONEN PENTAKSIRAN KURSUS TERAS SEMESTER III DAN IV

Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Komponen	Sains Hayat				Sains Fizikal				Sains Teknologi			
			Semester III		Semester IV		Semester III		Semester IV		Semester III		Semester IV	
			Mathematics 1	Chemistry 1	Physics 1	Biology 1	Mathematics 2	Chemistry 2	Physics 2	Biology 2	Mathematics 1	Chemistry 1	Physics 1	Computer Science 1
Penilaian Berterusan (PB)	40	Tugasan Individu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
		Tugasan Kumpulan	✓				✓				✓			✓
		Ujian Praktikal		✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓	✓
		Laporan Amali		✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓	
Ujian Penilaian Sumatif (UPS)	20	Soalan Objektif	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM)	40	Soalan Struktur	✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓		✓
		Soalan Struktur dan Esei				✓				✓			✓	

Lampiran A-iii

KOMPONEN PENTAKSIRAN KURSUS WAJIB SEMESTER I DAN II

Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Komponen	Kursus Wajib	
			English 1	English 2
Penilaian Berterusan (PB)	100	Listening, Speaking, Reading & Writing Task	✓	✓

KOMPONEN PENTAKSIRAN KURSUS WAJIB SEMESTER III DAN IV

Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Komponen	Kursus Wajib					
			English 1	English 2	Pendidikan Islam	Pendidikan Moral	Pengajian Am Matrikulasi	Kokurikulum
Penilaian Berterusan (PB)	100	Tugasan Kumpulan			✓	✓	✓	✓
		<i>Listening, Speaking, Reading and Writing Task</i>	✓	✓				

Lampiran B

SENARAI ALAMAT KOLEJ MATRIKULASI

Bil.	Nama Kolej	Alamat
1.	Kolej Matrikulasi Melaka	Kolej Matrikulasi Melaka Kementerian Pendidikan 78300 Masjid Tanah Melaka ☎: 06-3832000 http://www.kmm.matrik.edu.my
2.	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan Kementerian Pendidikan 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan ☎: 06-4841825 http://www.kmns.matrik.edu.my
3.	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang Kementerian Pendidikan 13200 Kepala Batas Pulau Pinang ☎: 04-5756090 http://www.kmpp.matrik.edu.my
4.	Kolej Matrikulasi Perlis	Kolej Matrikulasi Perlis Kementerian Pendidikan 02600 Arau Perlis ☎: 04-9868613 http://www.kmp.matrik.edu.my
5.	Kolej Matrikulasi Labuan	Kolej Matrikulasi Labuan Kementerian Pendidikan Jalan OKK Daud, Merinding Peti Surat 81735 87027 Wilayah Persekutuan Labuan ☎: 087-465311 http://www.kml.matrik.edu.my

Bil.	Nama Kolej	Alamat
6.	Kolej Matrikulasi Johor	Kolej Matrikulasi Johor Kementerian Pendidikan 84900 Tangkak Johor ☎: 06-9781613 http://www.kmj.matrik.edu.my
7.	Kolej Matrikulasi Perak	Kolej Matrikulasi Perak Kementerian Pendidikan 31600 Gopeng Perak ☎: 05-3594449 http://www.kmpk.matrik.edu.my
8.	Kolej Matrikulasi Kedah	Kolej Matrikulasi Kedah Kementerian Pendidikan 06010 Changlun Kedah ☎: 04-9286100 http://www.kmk.matrik.edu.my
9.	Kolej Matrikulasi Pahang	Kolej Matrikulasi Pahang Kementerian Pendidikan 26300 Gambang Pahang ☎: 09-5495000 http://www.kmph.matrik.edu.my
10.	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah Kementerian Pendidikan 06720 Pendang Kedah ☎: 04-4682508 http://www.kmkk.matrik.edu.my
11.	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang Kementerian Pendidikan 26400 Bandar Tun Razak Jengka Pahang ☎: 09-4677103 http://www.kmkph.matrik.edu.my

Bil.	Nama Kolej	Alamat
12.	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor Kementerian Pendidikan 82000 Pontian Johor ☎: 07-6881629 http://www.kmkj.matrik.edu.my
13.	Kolej Matrikulasi Selangor	Kolej Matrikulasi Selangor Kementerian Pendidikan 42700 Banting Selangor ☎: 03-31201410 http://www.kms.matrik.edu.my
14.	Kolej Matrikulasi Kelantan	Kolej Matrikulasi Kelantan Kementerian Pendidikan 16810 Pasir Puteh Kelantan ☎: 09-7808000 http://www.kmkt.matrik.edu.my
15.	Kolej Matrikulasi Sarawak	Kolej Matrikulasi Sarawak Kementerian Pendidikan Lot 216, Fasa II Taman Perindustrian Sejingkat Lorong Demak Indah 5a1 93050 Kuching Sarawak ☎: 082-439100 http://www.kmsw.matrik.edu.my
16.	Kolej MARA Kulim	Kolej MARA Kulim Jalan Junjong 09000 Kulim Kedah ☎: 04-4906422 http://www.kmkulim.edu.my
17.	Kolej MARA Kuala Nerang	Kolej MARA Kuala Nerang Lot 566, Daerah Padang Terap 06300 Kuala Nerang Kedah ☎: 04-7867250 http://www.kmkn.edu.my

PENGHARGAAN

Encik Azman bin Abd. Karim
Pengarah Bahagian Matrikulasi

Puan Aida binti Mohd Anip
Timbalan Pengarah
Sektor Dasar dan Perancangan

Dr. Haji Shahanif bin Hasan
Timbalan Pengarah
Sektor Akademik

Encik Shahrin bin Osman
Timbalan Pengarah
Sektor Pengurusan Peperiksaan dan Teknologi Maklumat

Tuan Haji Khairudin bin Nozari
Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Pelajar

Puan Nor Asnidar binti Aziz
Timbalan Pengarah
Sektor Khidmat Pengurusan

Puan Noor Fadzilah binti Md Radzi
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Dasar dan Perancangan

Encik Jeffry Azmi bin Nasruddin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Dasar dan Perancangan

Dr. Syarifah Norsuhaila binti Syed Mahmud
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Akademik

Encik Mohd Noor Hafizee bin Zulkaflee @ Zulkifli
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Akademik

Puan Bibi Aishah binti Roslan
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Dasar dan Perancangan

Puan Mazilah binti Mat Deris
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Akademik

Puan Izura Adiawati binti Hizarullah
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Akademik

Puan Nazariyah binti Jonid
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pengurusan Peperiksaan dan Teknologi Maklumat

Puan Azliza binti Arshad
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pengurusan Peperiksaan dan Teknologi Maklumat

Cik Hajah Salina binti Murtedza
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pengurusan Peperiksaan dan Teknologi Maklumat

Dr. Mohd Sukri bin Zainol
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pengurusan Peperiksaan dan Teknologi Maklumat

Encik Ahmad Syazwan bin Sharifudeen
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pembangunan Pelajar

Cik Ruzita binti Mohamed Yacob
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pembangunan Pelajar

Puan Shamshul Sakinah binti Hamzah
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pembangunan Pelajar

Dr. Siti Zubaidah binti Abu Bakar
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Khidmat Pengurusan

MAKLUMAT LANJUT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya**

Tel.: (03) 8884 4083

Faks: (03) 8884 4028

Laman sesawang: www.moe.gov.my

#matrikulasidihatiku #menerajukejayaanmasadepan



Program Matrikulasi KPM



Program Matrikulasi KPM



matrikulasikpm